



KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA



SURAT PEKELILING AM BILANGAN 7 TAHUN 2024: GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) SEKTOR AWAM

SESI PERKONGSIAN MAKLUMAT PRODUK/PERKHIDMATAN JDN SIRI 5/2024

**13 Ogos 2024 (Selasa)
2.30 petang**

Oleh: Ts. Nurul Effa binti Ahmad





TOPIK PEMBENTANGAN



SURAT PEKELILING AM BILANGAN 7 TAHUN 2024: GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) SEKTOR AWAM



TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13




SURAT ARAHAN PEMANTAPAN PENGURUSAN PROJEK ICT KERAJAAN



01

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 7 TAHUN 2024: GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) SEKTOR AWAM





1 Latar Belakang

2 Pemakaian

3 Struktur Tadbir Urus & Terma Rujukan

4 Prasyarat Kelulusan Teknikal, Skop & Had Nilai

5 Pengecualian JTISA

6 Perubahan Skop Projek ICT

7 JPPI



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 7 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN

PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) SEKTOR AWAM


JABATAN PERDANA MENTERI

16 Julai 2024

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LATAR BELAKANG



Menggantikan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015: Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam


Menjelaskan mengenai tatacara permohonan kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT sektor awam

Tarikh kuatkuasa: 16 Julai 2024


Kelulusan teknikal projek ICT merupakan prasyarat kepada permohonan kelulusan Peruntukan Pembangunan dan Peruntukan Mengurus

Tempoh sah laku kelulusan teknikal dari tarikh surat kelulusan JTISA se peruntukan.

Tempoh kelulusan JPICT?



PEMAKAIAN



Terpakai kepada semua Agensi Sektor Awam yang menggunakan peruntukan kewangan Persekutuan atau projek ICT yang dilaksanakan melalui Kerjasama Awam Swasta (PPP) di bawah program Private Finance Initiative (PFI)


Bagi projek ICT yang menggunakan dana (selfgenerated), dana bukan peruntukan amanah Kementerian/Agensi dan lair kelulusan teknikal JTISA. Walau kelulusan teknikal masih perlu diangkat di peringkat JPICT agensi dan/atau JPICT kementerian.

Badan Berkanun Diasingkan
Saraan - LHDN, KWSP?

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang tidak menggunakan peruntukan Persekutuan

Surat Pekeliling Am ini perlu dibaca bersama-sama dengan pekeliling, arahan, peraturan dan dokumen lain berkaitan ICT dan pendigitalan yang sedang berkuat kuasa


STRUKTUR TADBIR URUS



TERMA RUJUKAN JTISA

Pengerusi : Ketua Pengarah JDN

- ✓ Ketua Perunding ICT
- ✓ Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan
- ✓ Kementerian Ekonomi
- ✓ Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)
- ✓ Jabatan Audit Negara
- ✓ Pengarah Bahagian JDN



TERMA RUJUKAN

1. Mempertimbangkan kelulusan teknikal bagi projek ICT agensi sektor awam berdasarkan kriteria penilaian ditetapkan
2. Mencadangkan kaedah perolehan secara rundingan terus bagi perkhidmatan pengkomputeran awan sektor awam berdasarkan kriteria penilaian ditetapkan
3. Mencadangkan kaedah pelaksanaan projek (in-house/ outsourcing/ JAD/ co-sourcing dan lain-lain yang berkaitan)
4. Mencadangkan anggaran kos projek
5. Memastikan perolehan teknikal projek ICT sejajar dengan pekeliling/dasar semasa, dasar perolehan Kerajaan serta strategi dan hala tuju pembangunan ekonomi dan ICT negara
6. Memastikan perolehan teknikal projek ICT mematuhi aspek keselamatan ICT
7. Mengurus dan menyelaras laporan penilaian cadangan projek-projek ICT di bawah Rancangan Malaysia



TERMA RUJUKAN JPPI


Pengerusi : Ketua Pengarah JDN

- ✓ Bahagian Perolehan Kerajaan (GPD), Kementerian Kewangan (MOF)
- ✓ Bahagian Audit ICT, Jabatan Audit Negara (JAN)
- ✓ Bahagian K-Ekonomi, Kementerian Ekonomi
- ✓ Bahagian Pemantauan Pembangunan, Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
- ✓ Pusat Bank Data Negara dan Inovasi (NADI), Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
- ✓ Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara (AGC)
- ✓ Ketua Perunding ICT
- ✓ Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)



TERMA RUJUKAN


1. Melaksana pemantauan ke atas projek ICT agensi Sektor Awam dan melaporkan hasil pemantauan projek ICT kepada pengurusan tertinggi Sektor Awam
2. Memastikan strategi dan pelaksanaan projek ICT dilaksanakan mengikut perancangan dan pekeliling serta peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa
3. Mengesyorkan tindakan serta hala tuju penyelesaian isu-isu pelaksanaan yang signifikan, tertangguh lama dan melibatkan pertikaian pelbagai pihak yang memerlukan intervensi
4. Menilai sistem dan prosedur sedia ada dari segi perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek ICT.



TERMA RUJUKAN JPICT


Pengerusi: Ketua Setiausaha atau Pegawai Yang Diberi Kuasa

- Ketua Pegawai Digital (CDO) Kementerian
- Ketua Jabatan/ Agensi atau Ketua Pegawai Digital (CDO) Jabatan
- Pengurus ICT Kementerian/Jabatan/Agensi
- Ketua Bahagian di bawah Kementerian
- Ketua Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) Kementerian
- Ahli Jemputan




TERMA RUJUKAN

1. Menetapkan hala tuju dan strategi pembangunan dan pelaksanaan projek ICT
2. Mengesahkan cadangan sumber
3. Merancang, menyelaras dan menyeragamkan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT
4. Menilai dan melulus semua cadangan perolehan ICT kementerian dan agensi di bawahnya
5. Menyelaras dan mengemukakan kertas cadangan perolehan ICT kepada JTISA
6. Memastikan pelaksanaan projek ICT dipantau
7. Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar aplikasi ICT
8. Meluluskan dasar/aktiviti keselamatan ICT
9. Memastikan keselarasan projek ICT agar tiada duplikasi dan pembaziran



Ahli JTISA, Urus setia JTISA, Ahli JPPI, Urus setia JPPI dan Perunding ICT JDN tidak boleh dilantik sebagai ahli tetap dalam:

1. Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian/Agensi; atau
2. Jawatankuasa Teknikal Projek ICT Kementerian/Agensi; atau
3. Jawatankuasa Pemandu Projek ICT Kementerian/Agensi; atau
4. Jawatankuasa Penilaian Tender peringkat Kementerian/Agensi; atau
5. Jawatankuasa Rundingan Harga.




PRA SYARAT

1. Mendapat kelulusan JPICT di peringkat Kementerian/ Agensi;
2. Memastikan skop, keperluan bisnes, sistem dan infrastruktur ICT diambil kira secara holistik, bersepadu, *end-to-end*, terangkum, selamat, berpacukan data dan mengguna pakai teknologi terkini;
3. Memastikan anggaran kos keseluruhan projek adalah termasuk cukai dan caj Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Kementerian/Agensi perlu memaklumkan sekiranya nilai perolehan tidak termasuk cukai perkhidmatan;
4. Mengira anggaran saiz dan kos sistem aplikasi iaitu:
 - i. Anggaran saiz dan kos sistem aplikasi hendaklah dikenal pasti melalui pengiraan *function point analysis* (FPA) dan/atau pengiraan *man-days*;
 - ii. Pengiraan FPA **dikecualikan** bagi:
 - a. Pembangunan aplikasi menggunakan *Commercial Off The Shelf* (COTS) dan *embedded software* yang telah memperolehi sekurang-kurangnya tiga (3) kajian pasaran atau melibatkan pembekal tunggal; dan
 - b. Pembangunan *big data analytics* (BDA) atau pembangunan *business intelligence* (BI);
 - iii. Pengiraan *man-days* hendaklah selari dengan tempoh pelaksanaan bagi setiap aktiviti;

PRA SYARAT

5. Melaksanakan *Proof of Concept* (POC) mengikut keperluan;
6. Melaksanakan [klasifikasi data berdasarkan garis panduan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan \(CGSO\)](#) termasuk pengurusan keselamatan perlindungan berhubung perkara rasmi dan rahsia rasmi Kerajaan;
7. Memastikan peratus pengubahsuaian COTS selaras dengan Pekeliling Perolehan Teknologi Maklumat dan ICT yang berkuat kuasa;
8. Mengemukakan [laporan kajian impak yang diluluskan oleh JPICT Kementerian/Agensi bagi projek peningkatan atau pembangunan semula sistem aplikasi](#);
9. Memastikan permohonan disediakan menggunakan templat JTISA, lengkap dan dikemukakan melalui sistem yang disediakan sebelum tarikh tutup permohonan; dan
10. Mematuhi syarat yang ditentukan dari semasa ke semasa.





PROJEK ICT DILAKSANA BERSEKALI DENGAN PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL

1. Kementerian/Agensi hendaklah mendapatkan kelulusan teknikal JTISA bagi perkara-perkara berikut:
 - a) Perolehan perkakasan ICT, perisian ICT dan pembangunan sistem aplikasi yang dilaksanakan bersekali dengan projek pembangunan fizikal; dan
 - b) Pembangunan sistem aplikasi yang melibatkan peralatan Operational Technology (OT).
2. Proses permohonan kelulusan teknikal bagi projek ICT yang dilaksana bersekali dengan projek fizikal dibuat selepas kelulusan peruntukan.
3. Kos penyenggaraan komponen ICT yang merupakan sebahagian daripada projek pembangunan fizikal hendaklah diambil kira semasa permohonan kos penyenggaraan projek
4. Pegawai Skim Teknologi Maklumat Kementerian/Agensi hendaklah dilibatkan dalam projek pembangunan fizikal selesai.
5. Pegawai Skim Teknologi Maklumat Kementerian/Agensi hendaklah dilantik dalam projek fizikal.

Gred Jawatan Pegawai Skim
Teknologi Maklumat?

SKOP

- Pembangunan Sistem
- Perkakasan ICT
- Perisian

Kategori Projek ICT?



- Rangkaian dan Peralatan Rangkaian
- Perkhidmatan ICT
- Lain-lain perkakasan/perkhidmatan bukan ICT yang menyokong projek ICT

1. Kajian ICT
2. Perancangan Strategik ICT
3. Pembangunan Sistem
4. Peningkatan Sistem
5. Peluasan Sistem
6. Perolehan Infra
7. Pematuhan dan Pengukuhan
8. Lain-lain Perkhidmatan ICT

HAD NILAI KELULUSAN


 Pembangunan sistem

 Perkakasan/ Perisian/ Rangkaian dan Peralatan Rangkaian/ Perkhidmatan

 Gabungan pembangunan sistem dan/atau perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan peralatan rangkaian dan/atau perkhidmatan

- < RM200K
- ≥ RM200K hingga < RM5J

- < RM200K
- ≥ RM200K hingga < RM10J



RUJUKAN: LAMPIRAN A3 SPA 7/2024

PENGECUALIAN JTISA




- 01 Projek RAHSIA BESAR
- 02 Sewaan perkakasan ICT
- 03 Penyenggaraan
- 04 Perunding ICT Secara *Outsourcing*
- 05 Lanjutan perkhidmatan langganan maklumat/ data/ lesen/ pengkomputeran awan
- 06 Peningkatan kapasiti perkhidmatan pengkomputeran awan
Cloud Framework Agreement (CFA)
- 07 Pelaksanaan *Request for Proposal (RFP)*

PK 3.1: Perolehan Perunding Secara Am: Rujukan Kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)?



PERUBAHAN SKOP PROJEK ICT

1. Projek yang **telah mendapat kelulusan teknikal JTISA** dan **proses perolehan belum atau sedang dilaksana** dan berlaku perubahan skop atau kos atau spesifikasi atau kuantiti atau tempoh projek, hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada JTISA melalui JPICT Kementerian.
2. Bagi **projek dalam pelaksanaan** dan berlaku perubahan skop projek, kos, spesifikasi, kuantiti dan tempoh hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek Kementerian/Agensi dan memaklumkan secara rasmi kepada JPICT Kementerian/Agensi.



JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM (JPPI)


PERANAN JPPI

- 1 Melaksana pemantauan ke atas projek ICT agensi Sektor Awam dan melaporkan hasil pemantauan projek ICT kepada pengurusan tertinggi Sektor Awam
- 2 Memastikan strategi dan pelaksanaan projek ICT dilaksanakan mengikut perancangan dan pekeliling serta peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa;
- 3 Mengesyorkan tindakan serta hala tuju penyelesaian isu-isu pelaksanaan yang signifikan, tertangguh lama dan melibatkan pertikaian pelbagai pihak yang memerlukan intervensi
- 4 Menilai sistem dan prosedur sedia ada dari segi perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek ICT

JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM (JPPI)

SKOP PEMANTAUAN JPPI

1. Semua projek ICT agensi Sektor Awam yang telah diluluskan oleh JPICT Kementerian/Agensi atau JTISA.
2. Perkhidmatan sewaan, penyenggaraan peralatan ICT, perolehan/pembaharuan lesen, perolehan perisian dan langganan (*subscription*) DIKECUALIKAN daripada pemantauan JPPI.






UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
Profil Projek ICT Sektor Awam

UTAMA PENGENALAN DOKUMEN HUBUNGI KAMI LOGIN

- + Profil Projek ICT
- + Pemantauan Projek ICT
- + Permohonan dan Kelulusan JPICT
- + Permohonan dan Kelulusan JTISA

Profit




Maklumat semua projek ICT hendaklah dikunci masuk ke dalam Sistem Pengurusan dan Pemantauan Projek ICT Sektor Awam yang disediakan oleh JDN.

Sistem Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT)



02

TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13





TATAKELOLA RMKe-13

1 Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola

2 FAQ Tatakelola RMKe-13

3 Tatacara Pelaksanaan Tatakelola



Ruj Kami: JDN.100-1/7/1(2)
Tarikh : 26 April 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13

Izinkan saya dengan segala hormatnya menjemput perhatian Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan, Jabatan Digital Negara (JDN) telah menyediakan **Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13** sebagai rujukan dan merujuk kepada aspirasi GovTech dan perwujudan Kementerian Digital. Garis panduan ini adalah seperti lampiran.

3. Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 berdasarkan garis panduan ini merupakan rujukan kepada Kementerian/agenzia dalam melaksanakan Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 berdasarkan para 3. Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13.

Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) dilaksanakan berdasarkan garis panduan ini.

4. Sehingga pada tarikh 31 Disember 2026, semua agensi dan kementerian akan mengadakan tindakan



Ruj Kami: JDN.100-1/7/1(2)
Tarikh : 26 April 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

TATACARA PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 ROLLING PLAN 1 (RP1) TAHUN 2026

Izinkan saya dengan segala hormatnya menjemput perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan kepada perkara tersebut di atas dan surat Jabatan Digital Negara (JDN) rujukan JDN.100-1/7/1(2) bertarikh 26 April 2024.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum, JDN telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13.

selaras dengan aspirasi GovTech dan perwujudan Kementerian

melincinkan pelaksanaan garis panduan ini kepada Kementerian/agenzia yang menggunakan peruntukan kerajaan untuk permohonan kelulusan teknikal bermula 1 Mei 2024 bagi tahun urusan permohonan bajet tahun 2025 untuk pelaksanaan projek ICT tahun 2026. Hal ini adalah kerana kelulusan teknikal merupakan syarat kepada permohonan bajet.

3. Adakah pelaksanaan tatakelola baharu melibatkan semua peringkat kelulusan perolehan ICT termasuk JPIC?

Pelaksanaan tatakelola baharu melibatkan semua peringkat kelulusan perolehan ICT termasuk JPIC.

4. Adakah tatakelola ini terpakai bagi projek ICT Bagi RMKe-12?

Tidak. Tatakelola ini hanya melibatkan permohonan projek ICT Baharu RMKe-13.

5. Adakah projek ICT yang dipohon dalam RMKe-12 dan menjadikannya sambungan pada RMKe-13 RP1 (2026) terpakai bagi garis panduan ini?

Garis panduan ini terpakai bagi pelaksanaan projek ICT baharu bermula RMKe-13. Projek yang telah diluluskan dalam RP5 tidak perlu diangkat semula untuk kelulusan teknikal bagi tahun 2026.

6. Adakah permohonan penggunaan pengkomputeran awam bagi projek ICT tertakluk kepada pemakaian garis panduan ini?

Bagi permohonan projek ICT baharu seumpama ini perlu diangkat untuk kelulusan JPIC/JTISA sebelum permohonan bajet kepada Kementerian Ekonomi/MOF.

7. Apakah perbezaan utama antara permohonan projek ICT di bawah RMKe-12 dan sebelumnya berbanding permohonan projek ICT di bawah RMKe-13?

Bagi RMKe-12 dan sebelumnya, kelulusan teknikal dimohon selepas mendapat kelulusan bajet manakala bagi RMKe-13, kelulusan teknikal dan anggaran kos dilaksanakan sebelum permohonan bajet kepada Kementerian Ekonomi/MOF.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
TUJUAN DAN PEMAKAIAN GARIS PANDUAN		
1.	Mengapa Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 dikeluarkan?	Garis panduan ini merupakan rujukan kepada Kementerian/agenzia dalam melaksanakan Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 berdasarkan para 3. Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13.
2.	Pihak mana yang terkait dengan pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13?	Garis panduan ini terpakai kepada Kementerian/agenzia yang menggunakan peruntukan kerajaan untuk permohonan kelulusan teknikal bermula 1 Mei 2024 bagi tahun urusan permohonan bajet tahun 2025 untuk pelaksanaan projek ICT tahun 2026. Hal ini adalah kerana kelulusan teknikal merupakan syarat kepada permohonan bajet.
3.	Adakah pelaksanaan tatakelola baharu melibatkan semua peringkat kelulusan perolehan ICT termasuk JPIC?	Pelaksanaan tatakelola baharu melibatkan semua peringkat kelulusan perolehan ICT termasuk JPIC.
4.	Adakah tatakelola ini terpakai bagi projek ICT Bagi RMKe-12?	Tidak. Tatakelola ini hanya melibatkan permohonan projek ICT Baharu RMKe-13.
5.	Adakah projek ICT yang dipohon dalam RMKe-12 dan menjadikannya sambungan pada RMKe-13 RP1 (2026) terpakai bagi garis panduan ini?	Garis panduan ini terpakai bagi pelaksanaan projek ICT baharu bermula RMKe-13. Projek yang telah diluluskan dalam RP5 tidak perlu diangkat semula untuk kelulusan teknikal bagi tahun 2026.
6.	Adakah permohonan penggunaan pengkomputeran awam bagi projek ICT tertakluk kepada pemakaian garis panduan ini?	Bagi permohonan projek ICT baharu seumpama ini perlu diangkat untuk kelulusan JPIC/JTISA sebelum permohonan bajet kepada Kementerian Ekonomi/MOF.
PERBEZAAN TATAKELOLA RMKe-12 DAN RMKe-13		
7.	Apakah perbezaan utama antara permohonan projek ICT di bawah RMKe-12 dan sebelumnya berbanding permohonan projek ICT di bawah RMKe-13?	Bagi RMKe-12 dan sebelumnya, kelulusan teknikal dimohon selepas mendapat kelulusan bajet manakala bagi RMKe-13, kelulusan teknikal dan anggaran kos dilaksanakan sebelum permohonan bajet kepada Kementerian Ekonomi/MOF.



LATAR BELAKANG GARIS PANDUAN



Punca Kuasa:

1. Mesyuarat Membincangkan Cadangan Tatakelola Bagi Menyegerakan Pelaksanaan Projek Kerajaan pada 20 Dis. 2023 bersama MOF
2. Mesyuarat Berkaitan Penambahbaikan Tatakelola Perolehan ICT pada 15 Feb. 2024 bersama KE, MOF, ICU dan JDN
3. Mesyuarat JTISA Bil. 3/2024 pada 14 Mac 2024

Proses kelulusan teknikal Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) dan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) dilaksanakan sebelum permohonan bajet dan kelulusan teknikal JPICT/JTISA menjadi prasyarat permohonan bajet kepada Kementerian Ekonomi.


Tarikh kuatkuasa: 26 APRIL 2024

JDN menyelaras dan melaksana tatakelola program nasional dan projek pendigitalan Kerajaan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan ke arah yang lebih efisien dan mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.






PROSES PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT KERAJAAN - BAHARU



Rujukan: Mesyuarat Tatakelola Menyegearkan Pelaksanaan Projek Kerajaan Oleh Kementerian Kewangan Pada 20 Disember 2023

PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAHARU

- a. Kementerian/Agensi hendaklah menyediakan permohonan projek ICT RMKe-13 yang lengkap menggunakan templat permohonan JTISA.
- b. Kementerian/Agensi hendaklah memastikan perancangan projek ICT baharu selaras dengan Pelan Pendigitalan Kementerian/agensi.
- c. Kementerian/Agensi hendaklah memastikan tiada pertindihan skop bagi projek ICT yang dipohon
- d. Kementerian/Agensi hendaklah menggunakan produk dan perkhidmatan gunasama seperti berikut:
 - i. MyGDX sebagai platform perkongsian data yang terjamin.
 - ii. MyGovernment Portal sebagai satu gerbang tunggal bagi memudahkan capaian perkhidmatan oleh rakyat.
 - iii. MyGovCloud@PDSA dan MyGovCloud@CFA merupakan perkhidmatan Cloud Hosting yang menyediakan sejumlah sumber (rangkaian, server, storan, sistem operasi) secara maya (virtual).
 - iv. Lain-lain yang bersesuaian.






GARIS MASA PENYEDIAAN PERMOHONAN PENILAIAN TEKNIKAL RMKe-13

JENIS PERUNTUKAN	AKTIVITI	TINDAKAN	TEMPOH MASA
Peruntukan Pembangunan	Permohonan dan Kelulusan teknikal JPICT Kementerian/agensi	Kementerian/ Agensi	Mei 2024 - Feb 2025 (atau sebelum tarikh mula permohonan Peruntukan pembangunan oleh Kementerian Ekonomi)
	Permohonan Kelulusan teknikal JTISA *Tarikh akhir mengemukakan permohonan kelulusan teknikal kepada JTISA ialah pada September 2024	Kementerian/ Agensi	Mei 2024 – September 2024
	Penilaian JTISA	JDN/JTISA	Mei 2024 – Februari 2025
Peruntukan Mengurus	Kelulusan teknikal JPICT Kementerian/agensi	Kementerian/ Agensi	Mei 2024 - April 2025 (atau sebelum tarikh mula permohonan Peruntukan mengurus oleh MOF)
	Permohonan Kelulusan teknikal JTISA *Tarikh akhir mengemukakan permohonan kelulusan teknikal kepada JTISA ialah pada September 2024	Kementerian/ Agensi	Mei 2024 – September 2024
	Penilaian JTISA	JDN/JTISA	Mei 2024 – April 2025



FAQ PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
TUJUAN DAN PEMAKAIAN GARIS PANDUAN		
1.	Mengapa Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 dikeluarkan?	Garis panduan ini merupakan rujukan kepada Kementerian/agensi dalam melaksanakan Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 berdasarkan para 3. Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Baharu.
2.	Pihak mana yang terkait dengan pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13?	Garis panduan ini terpakai kepada Kementerian/agensi untuk permohonan kelulusan teknikal bermula 1 Mei 2024 bagi tujuan urusan permohonan bajet tahun 2025 untuk pelaksanaan projek ICT tahun 2026. Hal ini adalah kerana kelulusan teknikal merupakan pra-syarat kepada permohonan bajet.
3.	Adakah pelaksanaan tatakelola baharu melibatkan projek yang perlu diangkat ke JTISA sahaja?	Pelaksanaan tatakelola baharu melibatkan semua peringkat kelulusan perolehan ICT termasuk JPICT.
4.	Adakah tatakelola baharu terpakai bagi projek ICT RMKe-12 yang bersambung ke RMKe-13?	Tidak. Tatakelola ini hanya melibatkan permohonan projek ICT Baharu RMKe-13
5.	Adakah projek ICT yang dipohon dalam RMKe-12 RP5 (2025) dan menjadi projek sambungan pada RMKe-13 RP1 (2026) terpakai bagi garis panduan ini?	Garis panduan ini terpakai bagi pelaksanaan projek ICT baharu bermula RMKe-13. Projek yang telah diluluskan dalam RP5 tidak perlu diangkat semula untuk kelulusan teknikal bagi tahun 2026.
6.	Adakah permohonan penggunaan pengkomputeran awan bagi projek ICT tertakluk kepada pemakaian garis panduan ini?	Bagi permohonan projek ICT baharu seumpama ini perlu diangkat untuk kelulusan JPICT/JTISA sebelum permohonan bajet kepada Kementerian Ekonomi/MOF.
PERBEZAAN TATAKELOLA RMKe-12 DAN RMKe-13		
7.	Apakah perbezaan utama antara permohonan projek ICT di bawah RMKe-12 dan sebelumnya berbanding permohonan projek ICT di bawah RMKe-13?	Bagi RMKe-12 dan sebelumnya, kelulusan teknikal dimohon selepas mendapat kelulusan bajet manakala bagi RMKe-13, kelulusan teknikal dan anggaran kos dilaksanakan sebelum permohonan bajet kepada Kementerian Ekonomi /MOF.






FAQ PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
GARIS MASA PELAKSANAAN		
8.	Bilakah tarikh mula permohonan kelulusan teknikal JPICT/JTISA bagi projek ICT di bawah RMKe-13?	Kementerian/agensi boleh membuat permohonan bermula pada 1 Mei 2024. Perincian adalah seperti dalam Garis Panduan para 5.3 (a).
KATEGORI PERUNTUKAN		
9.	Pelaksanaan tatakelola terpakai kepada peruntukan mana?	Tatakelola ini terpakai kepada permohonan Peruntukan Pembangunan (DE) RMKe-13 dan diperluaskan pemakaian kepada Peruntukan Belanja Mengurus (OE), <i>Private Finance Initiative (PFI)/ Public Private Partnership (PPP)</i> dan Projek <i>in-house</i> .
10.	Adakah pembangunan projek ICT secara <i>in-house</i> juga tertakluk kepada tatakelola ini?	Ya. Tujuan bagi memastikan tiada pertindihan skop untuk fungsi yang sama dengan projek ICT sedia ada di Kementerian/agensi lain dan bagi menggalakkan perkongsian pintar serta mengurangkan pembaziran sumber.
11.	Adakah permohonan projek ICT menggunakan peruntukan Belanja Mengurus hanya melibatkan Dasar Baru dan Dasar One-Off sahaja?	Ya. Permohonan projek ICT menggunakan peruntukan Belanja Mengurus bagi Dasar Baru dan Dasar One-Off perlu mematuhi Garis Panduan ini. Bagaimanapun, sekiranya permohonan projek ICT menggunakan peruntukan Belanja Mengurus bagi Dasar Sedia Ada dan belum mendapat kelulusan teknikal ICT perlu diangkat untuk kelulusan teknikal terlebih dahulu.
TATACARA PERMOHONAN		
12.	Bagaimanakah proses permohonan kelulusan teknikal JPICT/JTISA bagi projek ICT baharu dan sambungan di bawah RMKe-13?	Rujuk Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 para 5.3.
13.	Adakah peringkat kelulusan bagi permohonan projek ICT RMKe-13 berdasarkan kepada aliran proses sedia ada?	Ya. Aliran proses yang sama iaitu bermula daripada kelulusan JPICT agensi dan seterusnya kelulusan JPICT Kementerian dan kelulusan JTISA. Rujukan SPA Bil. 3 Tahun 2015.
14.	Adakah semua cadangan projek ICT yang dikemukakan kepada JDN perlu dinilai diperingkat JPICT Kementerian/agensi terlebih dahulu atau terus dari pemilik projek?	Ya. semua projek perlu dinilai diperingkat JPICT Kementerian/agensi sebelum dikemukakan kepada JDN.



FAQ PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	JPICT Kementerian/agensi terlebih dahulu atau terus dari pemilik projek?	
15.	Adakah terdapat sistem / tools yang disediakan untuk mengisi permohonan projek ICT di bawah RMKe-13?	Ada. Kementerian/agensi boleh mengemukakan permohonan projek ICT melalui Sistem Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT).
16.	Adakah semua projek ICT termasuk pembangunan secara <i>in-house</i> juga perlu dimasukkan dalam PROFIT?	Ya.
17.	Adakah terdapat panduan pengisian permohonan kelulusan projek ICT di bawah RMKe-13?	Ada. Kementerian/agensi hendaklah menyediakan permohonan projek ICT RMKe-13 yang lengkap menggunakan templat permohonan JTISA.
18.	Siapakah yang akan mengisi permohonan projek ICT RMKe-13 dalam MyProjek bagi Bajet Pembangunan atau MyResults bagi Bajet Mengurus?	Kementerian/agensi bertanggungjawab mengisi permohonan projek ICT RMKe-13 melalui MyProjek/MyResults mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi/MOF.
19.	Sekiranya Kementerian/agensi masih belum mempunyai Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) bagi RMKe-13 (2026-2030), bagaimanakah Kementerian/agensi boleh memohon projek ICT RMKe-13 khususnya RP1?	Sekiranya Kementerian/agensi belum memuktamadkan PSP Kementerian/agensi, keperluan perlaksanaan projek boleh berpuncu daripada arahan Memorandum Jemaah Menteri (MJM), Mesyuarat Pasca Kabinet, Pengurusan Atasan Kementerian, Arahan Kerajaan dan arahan-arahan lain mengikut keperluan semasa.
KRITERIA PENILAIAN PROJEK		
20.	Apakah kriteria penilaian oleh JTISA?	Kriteria penilaian adalah merujuk kepada SPA Bil. 3 Tahun 2015: JTISA menilai permohonan projek ICT dari aspek daya maju teknikal, pengoptimuman sumber dan keberkesanan kos, memberi pulangan nilai untuk wang (<i>value for money</i>), impak dan keberkesanan yang tinggi kepada rakyat sekaligus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.
21.	Apakah kriteria penilaian oleh JPICT Kementerian/agensi?	Kriteria penilaian JPICT Kementerian/agensi adalah sama seperti kriteria penilaian JTISA.





FAQ PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13


BIL.	SOALAN	JAWAPAN
KELULUSAN PERMOHONAN BAJET		
22.	Adakah Kementerian Ekonomi /MOF akan meluluskan bajet mengikut jumlah dimohon Kementerian/agensi?	Kelulusan bajet bergantung kepada keputusan Kementerian Ekonomi /MOF seperti berikut: <ul style="list-style-type: none">a) Kelulusan penuh; ataub) Kelulusan sebahagian; atauc) Tidak lulus
23.	Bagaimana sekiranya bajet yang dipohon Kementerian/agensi tidak lulus penuh?	Kemungkinan akan berlaku perubahan skop dan permohonan projek ICT perlu diangkat semula ke JPICT Kementerian dan dimaklumkan kepada JDN.
24.	Pihak mana yang akan mengemukakan senarai projek lulus penilaian teknikal JPICT/JTISA kepada Kementerian Ekonomi /MOF?	JDN akan mengemukakan senarai projek lulus penilaian teknikal JPICT/JTISA kepada Kementerian Ekonomi/MOF.
25.	Adakah maklumat kelulusan bajet oleh Kementerian Ekonomi /MOF kepada Kementerian/agensi perlu dimaklumkan kepada JDN?	Ya, Kementerian/agensi perlu mengemukakan salinan kelulusan bajet kepada JDN.
26.	Bagaimana sekiranya terdapat pertambahan kos projek ICT akibat pertukaran mata wang asing?	Pengiraan unjuran oleh Kementerian/agensi boleh dibuat berdasarkan purata atau trend kadar tukaran mata wang asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
PELAKSANAAN PROJEK		
27.	Bagaimanakah sekiranya terdapat perubahan spesifikasi semasa pelaksanaan projek?	<ul style="list-style-type: none">a) Bagi projek yang telah mendapat kelulusan teknikal JTISA tetapi belum dilaksanakan:<ul style="list-style-type: none">i) Jika berlaku perubahan skop, agensi hendaklah memohon semula kelulusan teknikal JTISAii) Jika berlaku perubahan kos, spesifikasi, kuantiti, tempoh projek dan kaedah perolehan tanpa melibatkan perubahan skop, hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada urus setia JTISA.b) Bagi projek yang telah mendapat kelulusan teknikal JTISA dan telah dilaksanakan, sebarang perubahan adalah di bawah kawalan Jawatankuasa Teknikal Projek (JKT) dan Jawatankuasa Pemandu Projek (JKP).





FAQ PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
28.	Bagaimana tatacara untuk projek fizikal yang mempunyai komponen ICT?	Penilaian teknikal JPICT/JTISA dilaksanakan selepas mendapat bajet dari Kementerian Ekonomi/MOF.
29.	Adakah pemeriksaan bajet di peringkat Kementerian Ekonomi/MOF masih dilaksanakan selepas penilaian teknikal oleh JPICT/JTISA?	Sesi pemeriksaan bajet di Kementerian Ekonomi/MOF akan diadakan seperti proses sedia ada bagi menentukan keutamaan projek berdasarkan kedudukan semasa kewangan Kerajaan dan penetapan siling tahunan projek sekiranya diluluskan.
KHIDMAT NASIHAT		
30.	Bagaimana untuk mendapatkan khidmat nasihat/taklimat/penerangan berkaitan Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13	Kementerian boleh membuat permohonan kepada urusetia JTISA, JDN melalui emel urussetiajtisa@digital.gov.my . Kementerian boleh menyelaras kehadiran wakil bagi semua agensi di bawah seliaan Kementerian masing-masing dalam sesi tersebut.





TATACARA PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 ROLLING PLAN 1 (RP1) TAHUN 2026



Perkhidmatan digital bersepadu (Whole of Government (WoG)) kerajaan yang memfokuskan kepada:

- a) Perkhidmatan awam yang mudah diakses dan berpaksikan rakyat.
- b) Transformasi kerajaan digital.
- c) Sistem kerajaan yang mudah, cekap dan telus.

Penilaian projek berdasarkan sektor ekonomi, sosial, keselamatan, infrastruktur dan pentadbiran awam melibatkan empat kumpulan sasar iaitu rakyat, komuniti perniagaan, agensi kerajaan dan penjawat awam.

Tarikh kuatkuasa: 12 JULAI 2024

Fokus kepada permohonan Bajet Pembangunan (DE) dan Bajet Mengurus (OE).


Projek PPP adalah menggunakan Garis Panduan Kerjasama Awam-Swasta melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

Projek in-house melalui JPICT Kementerian/agensi seperti mana proses sedia ada




03

SURAT ARAHAN PEMANTAPAN PENGURUSAN PROJEK ICT KERAJAAN





- 1 Latar Belakang**
- 2 FAQ**



KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

JDN.100-1/7/1 (8)
16 Julai 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMANTAPAN PENGURUSAN PROJEK ICT KERAJAAN

Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan aspirasi Kerajaan bagi memastikan projek ICT Kerajaan dilaksanakan dengan berkesan, Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Jun 2024 telah memutuskan agar perolehan projek ICT Kerajaan disemak semula.
3. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeling Am Bilangan 3 Tahun 2015 telah ditambah baik bagi memastikan kelulusan teknikal dijadikan sebagai prasyarat kepada permohonan peruntukan projek ICT





LATAR BELAKANG



Punca Kuasa:

Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Jun 2024 telah memutuskan agar perolehan projek ICT Kerajaan disemak semula.

Mana-mana projek ICT yang belum diluluskan peruntukan hendaklah mendapatkan kelulusan teknikal daripada Jabatan Digital Negara (JDN) terlebih dahulu.

Semua projek ICT Kementerian dan agensi yang telah diluluskan peruntukan dan belum dilaksanakan, hendaklah dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan pelaksanaan.


Tarikh kuatkuasa: : 24 JUN 2024 (tarikh surat arahan: 16 JULAI 2024)





FAQ ARAHAN PEMANTAPAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah projek ICT yang sedang dalam pelaksanaan dan berkontrak terkesan dengan arahan penangguhan ini?	Tidak. Projek hendaklah diteruskan selaras obligasi kontrak.
2.	Apakah jenis peruntukan yang terlibat dalam arahan penangguhan ini?	Projek ICT yang dilaksanakan oleh Kementerian/agensi yang dibiayai melalui Peruntukan Persekutuan seperti: i) Peruntukan Pembangunan ii) Peruntukan Mengurus iii) Dana Dalaman Agensi/Badan Berkanun Persekutuan iv) Akaun/Wang Amanah





FAQ ARAHAN PEMANTAPAN


BIL.	SOALAN	JAWAPAN				
	3. Apakah projek ICT yang tidak terlibat dalam arahan penangguhan ini?	Skop		Catatan		
		A. Pembangunan sistem baharu yang melibatkan keselamatan negara dan keselamatan siber	B. Pembaharuan (renewal) lesen perisian	Kementerian/agensi boleh melaksanakan urusan perolehan setelah mendapat kelulusan teknikal dan kelulusan peruntukan.		
		C. Penyelenggaraan perkakasan ICT dan sistem aplikasi	D. Pembaharuan sewaan perkakasan ICT	Semua permohonan kelulusan teknikal dibuat melalui Sistem PROFIT.		
		E. Sambungan langganan: i. Pengkomputeran awan ii. Perisian iii. Data/maklumat/jurnal	F. Projek dengan nilai perolehan tidak melebihi RM500,000.00 (tidak termasuk caj dan cukai Kerajaan yang sedang berkuat kuasa)	<p>Pembaharuan sewaan perkakasan ICT:</p> <ul style="list-style-type: none">- Kontrak sewaan sedia ada akan tamat dan perlu laksanakan perolehan secara sewaan semula		
	4. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh kementerian / agensi bagi projek ICT yang terlibat dalam arahan penangguhan berdasarkan senario yang dinyatakan?	Senario				
		Senario	Kelulusan Peruntukan	Kelulusan Teknikal	Urusan perolehan	
		A	Ada	Tiada	Belum Mula	Urusan kelulusan teknikal ICT (JPICT dan JTISA) diteruskan. Rujuk Senario B selepas kelulusan teknikal diperolehi.
		B	Ada	Ada	Belum Mula	Angkat permohonan kelulusan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri sekiranya ingin meneruskan projek.





FAQ ARAHAN PEMANTAPAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN				
		C	Ada	Ada	Dalam proses perolehan	Angkat permohonan kelulusan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri sekiranya ingin meneruskan projek. Kementerian/Agensi hendaklah memastikan tempoh sah laku tender dilanjutkan sehingga mendapat keputusan Jemaah Menteri (sekiranya perlu).
		D	Ada	Ada	Telah dimuktamadkan oleh Pihak Berkuasa Melulus (PBM)	Boleh diteruskan pelaksanaan projek mengikut keputusan PBM.
Walau bagaimanapun, sekiranya Kementerian/agensi memutuskan untuk TIDAK meneruskan projek ICT yang telah mendapat kelulusan peruntukan dan/atau kelulusan teknikal selaras dengan arahan penangguhan ini, pemakluman secara rasmi hendaklah dibuat kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Digital (KD), KSU Kementerian Ekonomi dan Ketua Pengarah (KP) Jabatan Digital Negara (JDN).						
5.	Adakah projek ICT yang akan diangkat semula kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan pelaksanaan perlu mendapat ulasan JDN?	<ul style="list-style-type: none">i) Ya, perlu kerana JDN bertanggungjawab untuk melihat perkhidmatan digital bersepadau (Whole of Government (WoG)). JDN akan memberi ulasan ke atas permohonan Kementerian/agensiii) Permohonan kepada JDN hendaklah menggunakan format seperti di Lampiran A dan boleh dikemukakan kepada urussetiajtisa@digital.gov.my				






FAQ ARAHAN PEMANTAPAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		iii) Permohonan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri dilaksanakan oleh Kementerian/agensi masing-masing selepas mendapat ulasan JDN
6.	Adakah projek ICT yang TIDAK diteruskan selepas mendapat kelulusan peruntukan dan/atau kelulusan teknikal dan/atau selesai urusan perolehan perlu dimaklumkan kepada Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan JDN?	Ya. Sekiranya Kementerian/agensi TIDAK meneruskan projek ICT yang telah mendapat kelulusan peruntukan dan/atau kelulusan teknikal perlu memaklumkan secara rasmi kepada KSP, KSU KD, KSU Kementerian Ekonomi dan KP JDN
7.	Bilakah tempoh kuatkuasa penangguhan projek ICT?	Berkuat kuasa mulai 24 Jun 2024 selaras dengan keputusan MED4IRN sehingga arahan selanjutnya
8.	Adakah permohonan kelulusan teknikal dan peruntukan RMK-13 boleh diteruskan?	Boleh diteruskan dengan kelulusan yang ditetapkan Rujuk SPA 7 Tahun 2024
9.	Bagaimanakah aliran proses bagi Kementerian/agensi yang ingin meneruskan pelaksanaan projek ICT?	i) Sila rujuk carta alir Proses Permohonan Meneruskan Projek ICT di Lampiran B. ii) Permohonan kepada JDN hendaklah menggunakan format seperti di Lampiran A dan boleh dikemukakan kepada urussetiajtisa@digital.gov.my





SESI SOAL JAWAB





TERIMA KASIH

urussetiajtisa@jdn.gov.my

Bahagian Pembangunan Strategik & Arkitektur Digital
Jabatan Digital Negara, Kementerian Digital

Maklumat yang dipaparkan dalam slaid ini adalah
hak milik Jabatan Digital Negara (JDN) Kementerian Digital.

Sebarang salinan hendaklah mendapat persetujuan dan kelulusan JDN.



<https://www.jdn.gov.my>



/JabatanDigitalNegara/



/JDigitalNegara



/jabatandigitalnegara/



@JABATANDIGITALNEGARA